

Pelajar USIM menang anugerah NRIC 2015

Bandar Baru Nilai: Pakaian khas untuk pesakit wanita ciptaan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) diumumkan pemenang Anugerah Terbaik Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi Baharu 2015 (NRIC 2015).

Perekanya, Hanisah Hassan, 24, pelajar tahun akhir Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, turut menerima anugerah Pingat Emas dan Penyampai Terbaik pada pertandingan anjuran Universiti Sains Malaysia (USM) di Pulau Pinang, kelmarin.

Melalui rekaan dikenali sebagai Hurma yang bermaksud kehormatan dalam bahasa Arab, pelajar itu yang menewaskan 123 peserta dari lebih 50 universiti dari negara di Asia, membawa pulang piala, sijil dan wang tunai RM5,000.

Pakaian tutup aurat pesakit

Rekaan yang dipertandingkan dalam kategori Sains Perubatan dan Kesihatan itu adalah pakaian khas bertujuan meminimumkan pendedahan tubuh pesakit ketika menjalani rawatan atau pemeriksaan di hospital.

Hanisah berkata, sebagai pelajar perubatan yang banyak menjalani latihan di hospital,



Hanisah (tengah) dinobatkan sebagai **pemenang anugerah terbaik NRIC 2015** di USM, kelmarin.

[FOTO IHSAN USIM]

dia kerap mendengar rungutan pesakit, terutama wanita mengenai pakaian hospital yang singkat dan tidak menutup aurat.

Antara isunya adalah doktor terpaksa membuka pakaian pesakit di bahagian badan yang tidak dirawat atau diperiksa kerana sifat pakaian

itu yang tidak mesra pengguna.

"Justeru, saya mencipta pakaian yang membolehkan doktor menyelak di bahagian yang perlu sahaja. Setiap bahagian termasuk tangan, perut, dada, belakang badan, kaki dan alat sulit dilengkapi butang berasingan," katanya.

Sebelum ini, Hurma ternarai sebagai 10 ciptaan terbaik dalam kategori Akar Umbi pada Anugerah Inovasi Negara 2015 (AIN 2015) iaitu acara kemuncak Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (NICE) yang berlangsung di Kuala Lumpur, Mei lalu.